
UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Kursus Semasa Cuti Panjang
Sidang Akademik 2005/2006

Jun 2006

**IEK 209 – Sistem Perundangan Persekitaran,
Kesihatan dan Keselamatan**

Masa: 3 jam

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi DUA (2) mukasurat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab **LIMA** (5) soalan. Semua soalan mesti dijawab dalam Bahasa Malaysia.

1. Encik Tan dari Syarikat ABC gagal memperbaharui lesen premis yang ditetapkan. Namun di premis beliau, masih ada bahan buangan yang belum dilupuskan.

Apakah langkah-langkah terperinci yang harus diambil oleh Mr. Tan dan bilakah beliau boleh mengambil langkah tersebut?

(20 markah)
2. Jika anda ingin memasang satu alat kawalan pencemaran udara, apakah syarat-syarat yang anda harus patuhi sebelum dan sehingga pemasangan?

(20 markah)
3. (a) Berikan definisi lengkap istilah di bawah:-
 - (i) Loji
 - (ii) Majikan utama
 - (iii) Pembekalan
 - (iv) Tempat kerja

(10 markah)

(b) Apakah tujuan Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan?

(10 markah)
4. (a) Berikan kaedah mendaftar bahan kimia berbahaya kepada kesihatan yang digunakan di suatu premis.

(10 markah)

(b) Apakah syarat pembungkusan yang boleh diterima pakai di bawah Akta Kesihatan dan Keselamatan Pekerjaan?

(10 markah)
5. Jelaskan langkah-langkah terperinci yang boleh diambil untuk mengawal pendedahan ke bahan kimia.

(20 markah)
6. (a) Dalam pembinaan sistem rawatan air kumbah, apakah perkara-perkara yang tidak boleh dibuat oleh seorang pemegang lesen?

(10 markah)

(b) Apakah syarat-syarat berkaitan effluen yang harus dipatuhi?

(10 markah)